

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**KAWASAN : BANDAR KUCHING**  
**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan projek menaik taraf Pan Borneo Highway di negeri Sarawak. Berapakah pakej kontrak telah dianugerahkan, apakah harga kontrak masing-masing, panjang jalan terlibat dan siapakah kontraktor berkenaan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak melibatkan skop membina dan menaik taraf jalan sepanjang 1,090km. Ia melibatkan gabungan menaik taraf jalan sedia ada – iaitu dianggarkan 85% daripada jarak keseluruhan – dan 15% lagi melibatkan pembinaan jalan yang baharu.

Projek ini akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan laluan dari Telok Melano – Sematan – Kuching – Serian – Sibul – Bintulu – Miri. Manakala fasa kedua pula melibatkan laluan di bahagian Limbang dan Lawas yang akan dimulakan pada tahun 2018. Fasa pertama telah dimulakan pada 31 Mac 2015 yang lalu melibatkan jajaran dari Persimpangan Jalan Nyabau ke Persimpangan Jalan Bakun sepanjang 43km dengan harga kontrak sebanyak RM638 juta. Manakala projek kedua pula melibatkan laluan dari Telok Melano ke Sematan sepanjang 33km telah dilancarkan pada 1 September 2015 lalu dengan harga kontrak sebanyak RM580 juta. Manakala segmen-segmen lain untuk fasa pertama sedang dalam peringkat proses tender pra-kelayakan ('pre-qualification') dan akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak ini dilaksanakan melalui kaedah rakan pelaksana projek atau 'project delivery partner' (PDP), iaitu sebagaimana model pelaksanaan projek MRT. Sehubungan itu, Kerajaan telah melantik syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBUSB) sebagai rakan

pelaksana projek ini untuk mengurus dan memastikan ia dapat disiapkan mengikut kos dan tempoh masa yang ditetapkan Kerajaan. Manakala lantikan kontraktor untuk pakej-pakej pembinaan pula akan dibuat secara proses tender. Pembiayaan projek ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui DanaInfra Nasional Berhad, iaitu anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Kos keseluruhan projek ini masih belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada reka bentuk terperinci dan juga kos sebenar setelah pakej-pakej pembinaan projek ini ditender.

Keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini akan mengambil tempoh 8 tahun untuk disiapkan, iaitu dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2023.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 23**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah alasan yang menyebabkan kesukaran untuk memindahkan operasi penerbangan Airasia dari lapangan terbang terminal 2 ke lapangan terbang utama terminal 1. Apakah tindakan seterusnya yang diambil untuk membolehkan kelancaran pemindahan ini dapat dilakukan demi keselesaan penumpang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan sebelum ini telah menetapkan supaya AirAsia berpindah ke Terminal 1 berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015. Walaubagaimanapun, AirAsia telah menangguhkan perpindahan ini dan meminta pihak Kementerian memastikan supaya beberapa isu yang berkaitan perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Sehubungan dengan itu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian Pengangkutan, Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan AirAsia berhubung perpindahan tersebut.

Pihak MAHB juga telahpun bersedia dari segi operasi, pentadbiran, kemudahan dan peralatan untuk tujuan perpindahan syarikat penerbangan AirAsia ke Terminal 1 KKIA.

Susulan itu, Kementerian Pengangkutan telah memutuskan supaya operasi AirAsia perlu berpindah ke Terminal 1, KKIA mulai 1 Disember 2015.